

Studio Animasi UMS Berjaya Perolehi Geran RM800 Ribu

Oleh : Sekolah Pengajian Seni, UMS

USAHA Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menjalinkan kerjasama dengan North Borneo Media Sdn Bhd melalui Memorandum Persefahaman (MoU) pada awal tahun 2012 untuk menghasilkan animasi 3D pertama di Sabah akhirnya memasuki fasa baru apabila berjaya mendapatkan suntikan dana berbentuk geran industri kreatif sebanyak RM800,000.00 daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).

Pensyarah SPS, Dr. Zairul Anuar Md. Dawam memberitahu bahawa geran RM800 ribu tersebut telah memberi nafas baru kepada studio animasi yang ditubuhkan di Sekolah Pengajian Seni untuk meneruskan proses pembikinan animasi 3D bertajuk *The Blooms* yang sebelum ini menghadapi masalah kewangan bagi membiayai kos sumber manusia seperti juru animasi yang terdiri daripada bekas pelajar UMS dan juga pelajar-pelajar sedia ada.

Katanya, melalui geran tersebut pihaknya akan memanggil semula bekas pelajar UMS yang sebelum ini terlibat sama dalam usaha awal penubuhan studio tersebut untuk bersama-sama kembali membangunkan industri kreatif di Sabah terutama dalam bidang animasi.

"UMS melalui Sekolah Pengajian Seni dan Sekolah Sains dan Informatik Labuan (SSIL), sebelum ini telah menghasilkan ramai pelajar yang berbakat dalam bidang animasi. Namun disebabkan negeri Sabah belum mempunyai industri kreatif animasinya sendiri, kebanyakan mereka telah berhijrah ke negeri-negeri lain untuk bekerja. Malah ada di antara mereka yang tidak meneruskan minat dan kepakaran mereka dalam bidang animasi kerana menceburi bidang pekerjaan lain yang tidak berkaitan," katanya.

Justeru kata Dr. Zairul, menyedari hakikat tersebut, SPS dan syarikat produksi filem Sabah iaitu North Borneo Media Sdn Bhd telah mengambil inisiatif bagi

menubuhkan studio animasi yang berfungsi sebagai pusat inkubator, penyelidikan dan inovasi dalam bidang animasi.

Katanya, sebagai pusat inkubator, studio tersebut bertujuan melatih para pelajar dan bekas pelajar UMS untuk terlibat dalam bidang keusahawanan kreatif iaitu dalam bidang animasi secara komersil dan menjadikan bidang tersebut sebagai kerjaya yang menjamin masa depan.

"Di samping sebagai pusat latihan, pengajaran dan pembelajaran, studio ini juga akan menjadi pusat penyelidikan dan inovasi dalam bidang animasi 3D. Sebagai contoh studio animasi SPS telah menghasilkan sebuah siri pilot animasi 2D bertajuk *Antenom* yang dihasilkan melalui geran penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* yang diperolehi oleh SPS dan diketuai oleh pensyarahnya, Teddy Marius Soikun," jelas Dr. Zairul.

Katanya lagi, melalui penyelidikan tersebut, pihaknya telah mentransformasikan cerita rakyat Sabah dalam bentuk animasi sebagai medium perpaduan dan penerapan semangat patriotisme di kalangan para pelajar.

"Usaha ini juga seiring dengan saranan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim yang menyeru agar cerita-cerita rakyat daripada pelbagai suku kaum di Sabah diangkat menjadi sumber cerita bagi siri-siri animasi tempatan," katanya.

Menerangkan peranan yang dimainkan, Dr. Zairul memberitahu bahawa SPS dan SSIL, akan berperanan menyediakan tenaga animasi yang terdiri daripada bekas pelajarnya untuk bekerja di studio tersebut. Manakala North Borneo Media pula akan membantu aspek pengurusan studio dan berusaha mengkomersialkan produk animasi 2D dan 3D yang dihasilkan.

